

Penggiat seni usah persenda OKU

SAUDARA PENGARANG,

SUDAH seringkali isu mempersendakan golongan orang kurang upaya (OKU) terutama sindrom down dipaparkan di alam siber dan media elektronik melalui rancangan televisyen berbentuk hiburan. Dan alasan diberikan iaitu “bukan niat” atau “tidak sengaja” diberikan setiap kali memohon maaf di atas keterlanjuran kata-kata mereka.

Terbaharu, drama *Assalamualaikum Cinta* episod enam arahan Michael Ang yang ditayangkan di Astro Ria pada 7 Jun lalu mengandungi babak pelakon Kamal Adli dengan dialog: “Ooo... otak dia tak centre... otak dia goyang sikit... macam sindrom down...”

Biarpun sekadar lakonan, tidakkah pasca produksi merasakan karya mereka telah menyentuh sensitiviti dan mengguris perasaan golongan sindrom down dan ahli keluarganya serta individu rapat dengan mereka yang

sering memperjuangkan hak inklusif golongan OKU untuk mendapatkan peluang sama rata seperti masyarakat normal lain?

Sewajarnya, karya Michael Ang boleh digarap sebaiknya untuk memberi pengajaran dan kesedaran, bukan mengajar masyarakat mempersendakan golongan OKU. Tidak dinafikan terdapat karya berkualiti yang memberi kesedaran dan pengajaran melalui kisah-kisah golongan OKU seperti *Tika Langit Terbuka* arahan Rashid Sibir di Astro Ria mengisarkan realiti penafian dan penerimaan pasangan suami isteri yang dikurniakan anak sindrom down.

Begitu juga filem *Redha* karya Tunku Mona telah membuka mata dan persepsi masyarakat terhadap anak-anak autisme. Setidak-tidaknya masyarakat tidak akan bersikap judgemental terhadap ibu bapa dan kanak-kanak berkenaan selepas menonton filem itu.

Sebagai pengamal perubatan yang sering berinteraksi dengan

golongan OKU, saya melihat bagaimana mereka sekeluarga melalui kehidupan yang penuh dengan cabaran tersendiri serta pergolakan emosi. Apa yang mereka perlukan ialah sokongan padu daripada masyarakat bagi membolehkan anak-anak istimewa itu berfungsi dan berdikari.

Saya menyeru agar kita sama-sama mendidik diri dan anak-anak untuk menyantuni dan menyayangi golongan OKU. Usah mempersendakan kekurangan fizikal mahupun tahap intelektual mereka. Berikan peluang yang sama rata untuk mereka menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat lain.

Untuk penggiat seni pula, gunakan kepakaran dan kreativiti anda untuk hasilkan karya bermutu yang sarat dengan pengajaran, bukan sekadar hiburan semata-mata.

**DR. EDURA MADIAN MD.
MONOTO**

Pensyarah dan Pakar Perubatan
Keluarga, PPUKM